# Lee Ting San Lorry Transport Sdn Bhd lwn Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — SEMAKAN KEHAKIMAN NO PA-25–95–10 TAHUN 2018
HADHARIAH SYED ISMAIL H
5 OGOS 2019

*Prosedur Sivil — Semakan kehakiman — Permohonan — Permohonan untuk membatalkan rujukan siasatan bagi penyediaan maklumat dan dokumen Suruhanjaya Persaingan Malaysia ('SPM') — Sama ada SPM terkhilaf menyerahkan notis-notis kepada pemohon*

Ini merupakan satu permohonan semakan kehakiman untuk perintah certiorari bagi membatalkan rujukan siasatan bagi penyediaan maklumat dan dokumen oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia ('responden kedua') dan satu deklarasi bahawa siasatan yang dijalankan oleh responden kedua adalah menyalahi undang-undang, tidak munasabah dan/atau tidak rasional dan mengandungi ketidakwajaran prosedur dalam keputusan. Lee Ting San Lorry Transport Sdn Bhd ('pemohon') adalah sebuah syarikat pengangkutan yang mengangkut kontena keluar dari kawasan Pelabuhan Pulau Pinang yang termasuk dalam Lee Ting San Group of Companies. Kontena-kontena yang diangkut oleh pemohon perlu melalui mesin pengimbas Kastam Diraja Malaysia. Responden kedua telah menerima pertanyaan mengenai satu surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Persatuan Haulier Malaysia, Cawangan Utara ('surat pekeliling tersebut') dan beberapa surat pekeliling lain yang berkaitan dengan surat pekeliling tersebut. Setelah menerima surat-surat pekeliling ini, responden kedua mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa syarikat-syarikat pengangkutan terlibat telah melanggar s 4(2)(a) Akta Persaingan 2010 ('Akta 712') dan memulakan siasatan menurut s 14(1) Akta 712. Pemohon telah diberi notis untuk memberi dan mengemukakan maklumat dan dokumen-dokumen kepada responden kedua, namun pemohon telah gagal mematuhi sepenuhnya salah satu notis tersebut dan gagal untuk mengemukakan beberapa dokumen. Isu untuk diputuskan adalah: (a) sama ada keputusan responden kedua untuk meneruskan siasatan ke atas pemohon menyalahi undang-undang, tidak munasabah dan/atau tidak rasional dan mengandungi ketidakwajaran prosedur dalam keputusan; dan (b) sama ada semakan kehakiman untuk membatalkan rujukan siasatan bagi penyediaan maklumat dan dokumen MyCC wajar dibenarkan. Pemohon berhujah bahawa responden kedua terkhilaf kerana notis-notis diserahkan kepada pemohon, sedangkan maklumat yang diminta adalah berkaitan dengan

entiti lain, iaitu LTS Logistics (PG) Sdn Bhd.

**Diputuskan**, menolak permohonan dengan kos sebanyak RM5,000:

(1) Mahkamah bersetuju dengan hujahan pihak responden. Kuasa MyCC untuk membuat siasatan, meminta maklumat dan dokumen diperuntukkan dengan nyata di bawah ss 14, 18 dan 20 Akta. Fakta menunjukkan bahawa responden kedua bertindak dengan munasabah dan mengikut undang-undang. Siasatan responden kedua belum lagi selesai. Dari segi undang-undang, siasatan responden kedua tidak boleh disekat atau dihalang dan tidak boleh dibuat semakan kehakiman. Permohonan ini adalah tidak bermerit dan pemohon tidak ada hak untuk menyekat siasatan responden dengan alasan remeh-temeh (lihat perengan 8–12 & 16).

(2) Mahkamah mendapati fakta-fakta yang dihujahkan oleh responden adalah benar. Berdasarkan carta organisasi (eksh IS2) dan kad perniagaan (eksh IS9) yang dikemukakan, jelas bahawa pemohon adalah sebahagian daripada Kumpulan Lee Ting San. Oleh itu dakwaan pemohon bahawa ia tidak berkaitan dengan Kumpulan Lee Ting San adalah tidak berasas dan ditolak oleh mahkamah (lihat perenggan 15).

**[English summary**

This was an application for judicial review for an order of certiorari to cancel the investigation reference for the providing of information and document by the Malaysian Competition Commission ('the second respondent') and a declaration that the investigation conducted by the second respondent is illegal, unreasonable and/or irrational and contained procedural impropriety in the decision. Lee Ting San Lorry Transport Sdn Bhd ('the applicant') was a transportation company which transported containers out of the Penang Port which is part of the Lee Ting San Group of Companies. The containers transported by the applicant had to be go through the Royal Malaysian Customs scanner. The second respondent received an inquiry concerning a circular which was issued by the Malaysian Haulier Association, Northern Division ('the circular') and several other circulars which was related to the circular. After receiving these circulars, the second respondent had reason to suspect that the transportation companies involved had breached s 4(2)(a) of the Competition Act 2010 ('Act 712') and commenced investigation according to s 14(1) of Act 712. The applicant was given notice to provide and produce information and documents to the second respondent, however the applicant had failed to comply completely with one of the said notices and failed to adduce several documents. The issues to be determined were: (a) whether the decision of the second respondent to continue investigation on the applicant is illegal, unreasonable and/or irrational and contained procedural irregularities in its decision; and (b) whether a judicial review to cancel an investigation reference to provide information and documents to MyCC should be allowed.

The applicant submits that the second respondent had erred because the notices served the applicant, where in fact the information obtained was with a different entity, LTS Logistics (PG) Sdn Bhd.

**Held**, dismissing the application with costs of RM5,000:

(1) The court agrees with the submission of the respondent. The power of the MyCC to carry out investigations, request for information and documents is provided clearly under ss 14, 18, and 20 of Act 712. The facts showed that the second respondent had acted reasonably and in accordance with law. The second respondent's investigation was not yet complete. From a legal perspective, the second respondent's investigation cannot be halted or stopped and cannot be judicially reviewed. This application was without merit and the applicant had no right to stop the respondent's investigation with petty reasons (see paras 8–12 & 16).

(2) The court found the facts submitted by the respondent was true. Based on the said organisation chart (exh IS2) and the business card (exh IS9) which was adduced, it was clear that the applicant was a part of the Lee Ting San Group. Therefore, the allegation that the applicant was not related to the Lee Ting San Group was without basis and rejected by the court (see para 15).]

**Kes-kes yang dirujuk**

*Tenaga Nasional Bhd v Yahaya bin Jusoh* [2014] 1 MLJ 483; [2014] 2 CLJ 498, MR (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 ss 4(2)(a), 14, 14(1), 18, 18(1), 20

*Siti Rafidah (Mohammad lrwan Shah bersamanya) (Aswandi Hashim & Co) bagi pihak plaintif.*

*Karin Lim (Dominic dan Nicholas Lim bersamanya) (Presgrave & Matthews) bagi pihak defendan.*

**Hadhariah Syed Ismail H:**

PENGENALAN

**[1]** Dalam permohonan semakan kehakiman ini, pemohon memohon antara lainnya:

(a) perintah certiorari untuk membatalkan rujukan siasatan bagi penyediaan maklumat dan dokumen oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) terhadap pemohon bertarikh 10 Julai 2018; dan

(b) satu deklarasi bahawa siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) adalah menyalahi undang-undang, tidak munasabah dan/atau tidak rasional dan mengandungi ketidakwajaran prosedur dalam keputusan.

Fungsi mahkamah dalam semakan kehakiman ialah menyemak proses sesuatu keputusan itu dibuat, samaada ianya adalah munasabah atau terdapat unsur *illegality, irrationality atau impropriety*; sila lihat *Tenaga Nasional Bhd v Yahaya bin Jusoh* [2014] 1 MLJ 483; [2014] 2 CLJ 498.

LATAR BELAKANG FAKTA

**[2]** Pemohon adalah sebuah syarikat pengangkutan yang mengangkut kontena-kontena keluar dari kawasan Pelabuhan Pulau Pinang. Kontena-kontena yang diangkut oleh pemohon perlu melalui mesin pengimbas Kastam Diraja Malaysia.

**[3]** Pemohon, Lee Ting San Lorry Transport Sdn Bhd adalah syarikat yang berhubung kait dengan Wealthy Care Consortium Sdn Bhd dalam kes Semakan Kehakiman No PA-25–94–10 Tahun 2018. Kedua-dua pemohon adalah termasuk dalam Lee Ting San Group of Companies.

**[4]** Proses siasatan responden kedua terhadap pemohon di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 712] bermula seperti berikut:

(a) pada 30 November 2016, responden kedua telah menerima pertanyaan tentang surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Persatuan Haulier Malaysia, Cawangan Utara ('surat pekeliling tersebut');

(b) responden kedua juga telah menerima beberapa surat pekeliling yang berkaitan dengan surat pekeliling tersebut yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat hauliers yang kesemuanya telah menetapkan 'scanning surcharge' sebanyak RM75 yang berkuatkuasa 1 Disember 2016 seperti berikut:

(i) surat pekeliling tanpa tarikh dari SH Haulage Sdn Bhd;

(ii) surat pekeliling bertarikh 15 November 2016 dari LTS Logistics (PG) Sdn Bhd;

(iii) surat pekeliling bertarikh 16 November 2016 dari Lee Ting San Enterprise Sdn Bhd; dan

(iv) surat pekeliling bertarikh 16 November 2016 dari Wealthy Care Consortium Sdn Bhd.

(c) setelah menerima surat-surat pekeliling di atas, responden kedua mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa syarikat-syarikat

pengangkutan yang terlibat telah melanggar s 4(2)(a) Akta 712 dan telah memulakan siasatan menurut s 14(1);

(d) s 4(2)(a) Akta 712 melarang perjanjian antara perusahaan-perusahaan yang menetapkan suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan;

(e) responden kedua telah mengeluarkan tiga notis kepada pemohon seperti berikut:

(i) notis bertarikh 2 Mac 2017 di bawah s 18(1) Akta 712 ('notis pertama');

(ii) notis bertarikh 10 Julai 2018 di bawah s 18(1) Akta 712 ('notis kedua'); dan

(iii) notis bertarikh 10 Julai 2018 di bawah s 20 Akta 712 ('notis ketiga').

(f) notis pertama dan notis kedua menghendaki pemohon memberi dan mengemukakan kepada responden kedua maklumat dan dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam kedua-dua notis tersebut. Notis ketiga pula menghendaki pemohon membenarkan responden kedua akses kepada rekod-rekodnya.

(g) pemohon telah mematuhi sepenuhnya notis pertama dan notis ketiga. Tetapi, pemohon gagal mematuhi sepenuhnya notis kedua kerana pemohon gagal mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

(i) *the revenue earned and the number of movements by LTS Logistics (PG) Sdn Bhd on monthly basis in relation to movement of import and export containers at the Penang Port for the period of January 2015 up until the date of this notice;*

(ii) *the revenue earned by LTS Logistics (PG) Sdn Bhd on a yearly basis in relation to movement of import and export containers for the period of January 2015 up until the date of this notice;* dan

(iii) *LTS Logistics (PG) Sdn Bhd worldwide turnover including groups of companies on a yearly basis for the year of 2015 up until the date of this notice.*

ISU-ISU UNTUK DIPUTUSKAN

**[5]** Dalam hujahan bertulisnya, pemohon telah membangkitkan dua isu berikut:

(a) sama ada keputusan responden kedua untuk meneruskan siasatan ke atas pemohon adalah menyalahi undang-undang, tidak munasabah dan/atau tidak rasional dan mengandungi ketidakwajaran prosedur dalam keputusan; dan

(b) sama ada semakan kehakiman untuk membatalkan rujukan siasatan bagi penyediaan maklumat dan dokumen Suruhanjaya Persaingan Malaysia terhadap pemohon bertarikh 10 Julai 2018 wajar dibenarkan.

*Isu pertama*

**[6]** Dalam hujahan bertulisnya, peguam pemohon menghujahkan bahawa keputusan responden kedua untuk meneruskan siasatan ke atas pemohon adalah menyalahi undang-undang, tidak munasabah dan/atau tidak rasional dan mengandungi ketidakwajaran prosedur atas alasan-alasan berikut:

(a) dalam surat bertarikh 10 Julai 2018, responden kedua tidak pernah menyatakan dengan terperinci berkenaan butiran siasatan yang telah dibuat dan apakah dokumen yang telah dirujuk oleh responden kedua dalam mencapai keputusannya mengesyaki pemohon telah melanggar s 4(2)(a) Akta;

(b) responden kedua telah pun membuat satu keputusan berdasarkan surat bertarikh 10 Julai 2018 tersebut dan ianya adalah pra-matang, memandangkan hanya selepas itu responden kedua mengarahkan pemohon untuk menyediakan dokumen-dokumen; dan

(c) tindakan responden-responden telah mengakibatkan hak pemohon dilakukan untuk mempertikaikan sebarang tindakan oleh pihak yang berkepentingan tidak yang dapat ditegakkan.

**[7]** Hujahan peguam pemohon dijawab oleh peguam responden-responden seperti berikut:

(a) Akta 712 tidak mengandungi apa-apa peruntukan nyata yang menghendaki responden kedua memberikan sebab-sebab atau justifikasi sebelum boleh menjalankan siasatan di bawah s 14 Akta. Tambahan lagi, siasatan adalah sulit dan tidak boleh didedahkan bagi mengelakkan mana-mana perusahaan daripada memusnahkan dokumen atau bahan bukti;

(b) kesemua notis yang dihantar kepada pemohon adalah langkah-langkah yang perlu diambil dalam proses siasatan. Responden kedua diberi kuasa di bawah Akta untuk mendapatkan maklumat dan dokumen yang diminta. Tambahan lagi, pemohon telah mematuhi sepenuhnya notis pertama dan notis ketiga. Bagi notis kedua, pemohon telah mematuhi

A sebahagian dari arahan responden kedua. Oleh itu, dihujahkan bahawa pemohon dihalang oleh prinsip estopel daripada mencabar notis kedua dan notis ketiga; dan

(c) responden-responden belum lagi membuat keputusan terhadap
B pemohon kerana siasatan belum lagi selesai. Ketiga-tiga notis tersebut hanyalah arahan yang dikeluarkan mengikut ss 18 dan 20 Akta. Maka, tidak ada keputusan untuk dicabar oleh pemohon.

**[8]** Saya bersetuju dengan hujahan peguam responden. Kuasa responden
C untuk membuat siasatan, meminta maklumat dan dokumen diperuntukkan dengan nyata di bawah ss 14, 18 dan 20 Akta.

**[9]** Seksyen 14 menyatakan:

D 14(1) The Commission may conduct any investigation as the Commission thinks expedient where the Commission has reason to suspect that any enterprise has infringed or is infringing any prohibition under this Act or any person has committed or is committing any offence under this Act.

E **[10]** Seksyen 18(1) menyatakan:

18(1) The Commission may, by notice in writing, require any person whom the Commission believes to be acquainted with the facts and circumstances of the case —

F (a) to provide or produce to the Commission, within the period and in the manner specified in the notice, any information or document which is relevant to the performance of the Commission's powers and functions; or

(b) to make a statement to the Commission providing an explanation on any information or document referred to in paragraph (a) within the period
G and in the manner specified in the notice.

**[11]** Seksyen 20 menyatakan:

20(1) A person shall, if at any time directed by the Commission, allow the
H Commission access to his records, books, accounts or other things for the purposes of carrying out any of the Commission's functions or powers under this Act.

(2) Any person who fails to comply with the direction under subsection (1) commits an offence.

I **[12]** Siasatan responden kedua bermula dengan penerimaan surat-surat pekeliling yang menetapkan surcaj RM75 untuk mengimbas kontena-kontena. Surat-surat pekeliling tersebut telah menyebabkan responden kedua mengesyaki pemohon telah melakukan kesalahan di bawah s 4(2)(a) Akta. Maka, perbuatan mengesyaki itu bukanlah satu keputusan yang

dimaksudkan di bawah Akta. Tetapi, mengesyaki itu adalah penyebab untuk responden kedua memulakan siasatan. Perbuatan mengesyaki, disusuli dengan tindakan meminta dokumen serta maklumat adalah fungsi dan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Akta 712 kepada responden kedua. Responden kedua hanya menguatkuasakan Akta 712 dengan menjalankan tanggungjawab statutorinya. Pemohon juga telah mematuhi sepenuhnya notis pertama dan ketiga. Bagi notis kedua, pemohon telah mematuhi sebahagian dari arahan responden kedua. Oleh itu, pemohon adalah dihalang oleh prinsip estopel dari mencabar notis kedua. Melihat kepada peruntukan ss 14, 18 dan 20 Akta, saya mendapati pengataan pemohon bahawa siasatan responden kedua adalah tidak munasabah, tidak rasional dan tidak mengikut prosedur adalah suatu pengataan yang tidak benar. Fakta menunjukkan responden kedua bertindak dengan munasabah dan mengikut undang-undang. Siasatan responden kedua belum lagi selesai. Dari segi undang-undang, siasatan responden kedua tidak boleh disekat atau dihalang dan tidak boleh dibuat semakan kehakiman. Maka, isu pertama adalah tidak bermerit dan ditolak oleh mahkamah ini.

*Isu kedua*

**[13]** Dalam hujahan bertulisnya, peguam pemohon mengatakan responden kedua telah terkhilaf kerana notis-notis diserahkan kepada pemohon, sedangkan maklumat-maklumat yang diminta adalah berkaitan dengan entiti yang lain iaitu LTS Logistics (PG) Sdn Bhd.

**[14]** Menjawab hujahan pemohon, peguam responden-responden menghujahkan:

(a) tidak ada kesilapan identiti mengenai kepada siapa notis-notis itu dialamatkan dan siapa yang harus mematuhi notis-notis tersebut. Notis kedua dan ketiga dialamatkan kepada pemohon dan dokumen yang diminta juga adalah berkaitan dengan pemohon. Oleh itu, tidak ada apa-apa kekeliruan mengenai apa dokumen yang harus dikemukakan oleh pemohon dan pemohon harus mengemukakannya; dan

(b) carta organisasi dan kad perniagaan/kad nama pengarah-pengarah pemohon iaitu En Lee Kah Chye dan En Baidrulhisam bin Abdul Hamid menunjukkan bahawa pemohon adalah sebahagian dari Kumpulan Lee Ting San.

**[15]** Saya mendapati fakta-fakta yang dihujahkan oleh peguam responden-responden adalah benar. Kad nama En Baidrulhisam yang ditandakan sebagai eksh IS9 dan carta organisasi yang ditandakan sebagai eksh IS2 jelas menyebut bahawa pemohon adalah sebahagian dari Kumpulan Lee Ting San. Oleh itu, dakwaan pemohon bahawa ia tidak ada kaitan dengan Kumpulan Lee Ting San adalah tidak berasas dan ditolak oleh mahkamah ini.

A KEPUTUSAN

**[16]** Permohonan pemohon adalah tidak bermerit. Dokumen-dokumen yang diminta dalam notis kedua adalah berkaitan dengan pemohon sahaja.Siasatan responden kedua masih belum selesai. Pemohon tidak ada hak untuk menyekat siasatan responden-responden dengan alasan remeh temeh. Responden kedua hanya menjalankan tanggungjawab statutorinya di bawah Akta 712. Dengan itu, saya tolak permohonan pemohon dengan kos RM5,000.

*Permohonan ditolak dengan kos sebanyak RM5,000.*

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan